



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 2/2024**

**28 FEBRUARI 2024 | RABU
10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,
Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS Bil.2/2024 bagi bulan Februari pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2024, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2024 sebanyak RM 15.33 juta (26.20%) daripada RM 117 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 1.23 juta (11.53%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.
- 1.3 Untuk makluman, kaunter bergerak hasil akan beroperasi 8.00 pagi hingga 3.00 petang pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Februari 2024. Tempoh bayaran cukai taksiran bagi penggal 1/2024 akan berakhir pada 29 Februari 2024 dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan bermula 1 Mac 2024. Manakala tindakan waran tahanan akan mula dilaksanakan bermula 1 April 2024.

2. PERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS

- 2.1 Pihak Majlis juga telah menaiktaraf portal mymps.mps.gov.my bagi peniaga-peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan serta perancang. Disamping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran

kompaun di portal tersebut. Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Januari 2024 adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 832,874.97 – 927 transaksi
- Sewaan gerai sebanyak RM 295,213.11 - 822 transaksi
- Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 48,909.80 - 36 transaksi
- Kompaun sebanyak RM32,110.00– 545 transaksi

3. KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN

- 3.1 Saya juga ingin memaklumkan bahawa MPS kini sedang melaksanakan kempen pengurangan kompaun yang menawarkan tawaran RM 20 bagi setiap keping kompaun kesalahan tempat letak kereta kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di pentadbiran Selayang kecuali kompaun tempat letak kereta 2 jam.
- 3.2 Selain itu, orang ramai yang mempunyai kesalahan kompaun juga boleh mendapat pengurangan sehingga 80% bagi kompaun akta dan undang-undang kecil dan ianya tertakluk pada terma dan syarat.

- 3.3 Tempoh bagi penawaran ini bermula pada 1 Februari 2024 sehingga 31 Mac 2024. Pembayaran kompaun boleh dilakukan di kaunter yang dibuka di Lobi MPS, kaunter bergerak MPS dan melalui aplikasi Flexi Parking dan Smart Selangor Parking.
- 3.6 Saya berharap semua Ahli Majlis dapat menguar-uarkan kempen ini dan semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu dan menggalakkan orang ramai untuk menyelesaikan pembayaran yang tertunggak.

4. AUDIT DALAM ISO/ISMS MS 9001:2015

- 4.1 Saya juga ingin memaklumkan pelaksanaan Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) telah bermula pada **26 Februari sehingga 7 Mac 2024.**
- 4.2 Untuk makluman, tempoh pelaksanaan Audit Pemantauan oleh SIRIM telah dijadualkan pada **25 sehingga 27 Mac 2024.** MPS sedang dalam tindakan persiapan bagi memastikan segala persiapan menghadapi audit berjalan lancar dan teratur.

4.2 Saya berharap agar semua Jabtaan dapat bersedia dan memberikan kerjasama yang penuh kepada Pasukan Audit Dalam ISO/ISMS sepanjang tempoh pelaksanaan pengauditan ini dijalankan.

5. KAJI SELIDIK BELANJAWAN 2025 MPS

- 5.1 Bagi memastikan perancangan belanjawan 2025 MPS mampan, komprehensif dan inklusif serta memenuhi kehendak *stakeholder* MPS, satu Kaji Selidik Belanjawan 2025 MPS akan dijalankan secara dalam talian bermula 1 hingga 31 Mac 2024.
- 5.2 Keterlibatan masyarakat di pentadbiran Selayang untuk menjalankan kajian berkenaan infrastruktur, perkhidmatan, kemudahan awam dan sosial dan kemasyarakatan selain memberi pandangan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh MPS adalah amat dialu-alukan.
- 5.3 Oleh itu, saya berharap agar semua Ahli Majlis dapat menguar-uarkan kepada penduduk di zon masing-masing untuk mengisi kaji selidik ini. Kaji selidik ini boleh diisi melalui pautan di laman web MPS, platform media sosial MPS yang akan dimuat naik pada 1 Mac 2024.

6. PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN KAMPUNG TAHUN 2024

- 6.1 Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 31/2023 bertarikh 27 Disember 2023, orang ramai boleh membuat permohonan pengecualian cukai taksiran kediamaan kampung tahun 2024 kepada pemilik yang layak.
- 6.2 Tempoh permohonan bermula pada 1 Mac sehingga 31 Mei 2024. Semakan keputusan permohonan boleh dilakukan pada 1 September 2024.

7. KARNIVAL SELAYANGKU SAYANG 2024

- 7.1 Untuk makluman, MPS akan menganjurkan Karnival Selayangku Sayang 2024 pada 2 dan 3 Mac 2024 bertempat di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang.
- 7.2 Antara pengisian karnival ini adalah pemberian sayur percuma, jualan ehsan rahmah, jualan murah pakaian sekolah dan makanan asas & produk PKS
- 7.3 Pelbagai acara terbuka juga diadakan untuk orang ramai seperti Raja Buskers, Sukan Rakyat, Pertandingan Dam Aji,

Netball Shootout, Penalty Sharp Shooter, Pertandingan Pakaian Beragam, Bercerita dan Mewarna.

- 7.4 Diharapkan agar program ini berjalan lancar seperti yang dirancang dan disini saya menjemput semua warga Selayang untuk bersama-sama hadir bagi memeriahkan program ini.

8. UCAPAN SELAMAT BERPUASA

- 8.1 Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada yang beragama Islam yang akan disambut Insha Allah pada 12 Mac 2024 .
- 8.2 Semoga Ramadan kali ini kita semua akan sentiasa diberkati oleh Allah SWT dan dihujani kerahmatan daripada-Nya. InsyaAllah.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.